

11/12/1999

Kabinet baru mantapkan jentera pentadbiran

BARISAN Menteri Kabinet, timbalan menteri dan setiausaha parlimen sudah diumumkan semalam bagi memantapkan jentera pentadbiran negara selepas rakyat memberi mandat kepada Barisan Nasional (BN) mentadbir. Tahniah kepada mereka yang kekal, baru dilantik mahupun yang dinaikkan pangkat. Rakyat percaya pelantikan itu dibuat selepas mengambil kira kebolehan, pengalaman dan keyakinan bahawa mereka boleh menggalas segala kerja serta tanggungjawab berat yang diamanahkan. Kepada yang tidak lagi diberi peluang menyambung tugas dalam Kabinet, kita harap mereka tidak kecewa. Sebagai Ahli Parlimen mereka masih diperlukan untuk memberi sumbangan besar kepada kerja parti di samping memberi lebih tumpuan berkhidmat kepada penduduk setempat di kawasan Parlimen masing-masing.

Tidak ada sebarang pertambahan atau pertukaran nama kementerian kali ini. Pada pengumuman Kabinet pada 1995, Kementerian Pembangunan Usahawan ditubuhkan. Pengumuman kali ini menyaksikan tiga menteri dan empat timbalan menteri digugurkan. Seramai lima timbalan menteri dinaikkan pangkat kepada menteri penuh manakala empat muka baru dilantik terus menjadi menteri dengan seorang daripadanya selepas menjadi senator. Hanya seorang menteri yang tewas dalam pilihan raya dilantik sebagai senator bagi memegang semula jawatan lamanya. Seorang menteri besar dan ketua menteri yang bertanding di Parlimen masing-masing dilantik sebagai timbalan menteri dan setiausaha parlimen.

Selain pengekalan beberapa muka lama dan kemasukan muka baru, seperti biasa penukaran portfolio menteri dan timbalan menteri juga dilakukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kali ini. Bagaimanapun, menteri kanan lain yang terdiri daripada pemimpin parti komponen BN dikekalkan pada portfolio masing-masing.

Jelas pelantikan kali ini adalah satu set gabungan pemimpin yang mewakili semua kaum termasuk Sabah dan Sarawak. Ia adalah rangkaian dan gabungan pemimpin berpengalaman serta barisan pemimpin baru termasuk pergerakan wanita dan pemuda mewakili parti komponen. Kecuali Terengganu dan Kelantan yang kini dikuasai pembangkang, setiap negeri lain mempunyai perwakilan sekurang-kurangnya berjawatan setiausaha parlimen. Kabinet baru kali ini masih mengambil kira pentingnya kepemimpinan wanita dengan beberapa pemimpin berpengalaman dikekalkan dan yang lain dinaikkan pangkat.

Namun amat mengejutkan, semua yang dipilih untuk menerajui Kementerian Pendidikan kali ini adalah satu pasukan baru. Diketuai Tan Sri Musa Mohamed, menteri itu akan dibantu timbalannya, Senator Datuk Aziz Shamsuddin dan Datuk Dr Mahadzir Khir sebagai Setiausaha Parlimen. Ini adalah kali pertama Dr Mahathir melantik tokoh akademik bagi mentadbirkan kementerian itu yang dijangka memerlukan beberapa perubahan besar bagi menghadapi era pendidikan alaf baru. Harapan tinggi kini diletakkan kepada Musa yang pernah menjadi naib canselor sebuah universiti tempatan dan Khir, seorang bekas pensyarah serta dibantu Aziz untuk menyuntik pelbagai perubahan itu. Barangkali Dr Mahathir meraskan perlu membawa mereka yang terbabit secara langsung dalam dunia pendidikan bagi mengurangkan politik di kementerian berkenaan yang sewajarnya memberi tumpuan kepada usaha mencemerlangkan pendidikan anak bangsa.

Bagi sebuah kerajaan yang sudah melaksanakan tanggungjawabnya dengan berkesan untuk pembangunan negara dan rakyat, pengumuman barisan Kabinet kali ini sewajarnya memperlihatkan beberapa perubahan drastik. Kita

percaya sememangnya inilah yang diperlukan untuk membawa Malaysia melangkah ke tahun 2000. Justeru, beberapa menteri penuh atau timbalan menteri yang sudah lama berkhidmat mesti digugurkan. Bagi memastikan dasar kepemimpinan sedia ada berterusan, Dr Mahathir menyusun barisan pemimpin pelapis berkebolehan yang kebanyakan masih muda usia. Selain dilantik menjadi menteri, yang lain kebanyakannya diberi peluang dengan bermula sebagai timbalan menteri dan setiausaha parlimen. Dibantu oleh orang lama, golongan bersemangat muda itu amat diperlukan agar rentak pentadbiran jentera kerajaan tidak tergendala. Rakyat juga akan melihat barisan kepemimpinan yang diumumkan semalam sebagai menterjemahkan manifesto BN menjelang pilihan raya untuk membawa Malaysia Bebas, Sepadu dan Maju. Rakyat yakin gandingan mantap kali ini dapat memberikan banyak manfaat terbaik untuk semua.

(END)